

Buletin FMS

Negeri Sembilan

PERUTUSAN KETUA FMS NEGERI

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera



Bagi pihak semua Pakar Perubatan Keluarga Negeri Sembilan, sukacitanya kami ingin berkongsi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018. Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang

sama-sama menjalankan aktiviti-aktiviti ini.

Dalam era globalisasi dan pembangunan yang pesat, penjagaan kesihatan di seluruh dunia juga menghadapi banyak cabaran dan pergolakan. Sebahagian daripada amalan perubatan yang berjuang untuk kekal dalam perkhidmatan ialah kepakaran Perubatan Keluarga.

Tahun ini, Pertubuhan Dunia Doktor Keluarga (WONCA) merayakan Hari Keluarga Doktor Dunia yang jatuh pada 19 Mei dengan tema "Family doctors – caring for you for the whole of your life". Doktor keluarga adalah satu-satunya doktor yang paling ramai di seluruh negara. Satu-satunya doktor untuk merawat pelbagai penyakit untuk semua peringkat umur di kesihatan primer. Doktor keluarga memainkan peranan penting dalam membantu penduduk kekal sihat dengan pelan penjagaan individu.

Selain membuat diagnosa dan merawat

penyakit akut dan kronik, doktor keluarga menyediakan pemeriksaan saringan kesihatan dan kaunseling secara teratur berkenaan gaya hidup yang sihat untuk pencegahan penyakit.

Sehubungan dengan ini, Konsep Doktor Keluarga (*Family Doctor Concept*) telah diperkenalkan di klinik kesihatan seluruh negara. Kami berharap dengan pelaksanaan ini dapat memperkukuhkan perkhidmatan di kesihatan primer selaras dengan misi dan visi Kementerian Kesihatan Malaysia. Lebih ramai lagi pegawai perubatan yang perlu dilatih untuk melaksanakan tugas di bidang kepakaran Perubatan Keluarga di Malaysia.

Akhir sekali, semua anggota di kesihatan primer yang diketuai oleh Pakar Perubatan Keluarga perlu mengembleng tenaga untuk melaksanakan pelbagai program kesihatan demi untuk kesihatan masyarakat setempat dan negara.

Dr Mastura Ismail

Ketua Negeri

Pakar Perunding Perubatan Keluarga

Negeri Sembilan Darul Khusus





Mesyuarat Berkala Pakar Perubatan Keluarga NS



Mesyuarat Pakar Pakar Perubatan Keluarga telah di adakan sebanyak sembilan kali pada tahun 2018 di mana Dr Mastura selaku ketua Pakar pakar Perubatan Keluarga Negeri Sembilan telah menjadi Pengerusi mesyuarat. Antara agenda yang di bentangkan ialah berkaitan Plan Tindakan Pakar perubatan Keluarga Negeri Sembilan, Program FMS Grooming, Program Perluasan Kepakaran Pakar Perubatan Keluarga, CME, FMS Clinic Round, Primary Care Update dan Audit Klinikal.

“Primary Care is the central nervous system of a country’s medical services—monitoring the general health of communities, treating chronic conditions and providing day-to-day relief.”

The Economist

PROGRAM “GROOMING” KEPAKARAN PERUBATAN KELUARGA 2018



Program ini dijalankan bagi mengenalpasti Pegawai Perubatan yang berminat dan berpotensi untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kepakaran perubatan keluarga. Pegawai Perubatan ini akan diberi kefahaman dan kemahiran asas bidang perubatan keluarga sebelum meneruskan pengajian dalam bidang tersebut bagi memastikan peratus kelulusan yang tinggi. Dengan harapan akan melahirkan pakar perubatan keluarga yang merupakan pemimpin klinikal yang cemerlang, berdaya saing, inovatif, akauntibiliti dan mementingkan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan. Program ini dijalankan selama 6 bulan dari Januari hingga Jun 2018. Seramai 23

orang telah Berjaya menamatkan program ini. Program ini telah di jadualkan setiap 2 minggu dan di ketuai oleh 2 orang Pakar Perubatan Keluarga sebagai fasilitator pada setiap sesi secara bergilir. Program ini di jadual kan mengikut sistem(respiratori, kardiovaskular, kanak-kanak, obstetric, gynaekologi, dll). Program di pantau melalui Log Book dan viva. Calon telah di nilai melalui “viva practice diary” yang telah di jalankan pada 29 Jun 2018. Poster telah dibentangkan di Konferen Perubatan Keluarga Malaysia di Ipoh Perak pada Ogos 2018. Majlis Apresiasi telah di sempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato’ Dr Zainudin bin Mohd Ali, Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan pada 28 september 2018.

Seminar Primary Care Update 2018

FMS Negeri Sembilan telah menganjurkan kursus 'Primary Care Update' pada 7 April 2018. Anjuran ini adalah bersama Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan (JKNNS) dan International Medical University (IMU). Objektif kursus



ialah memberi pendedahan terkini mengenai diagnosis dan rawatan penyakit kardiovaskular serta penyakit endokrin. Sebanyak 146 peserta menghadiri kursus ini yang bertempat di John Bosco Lecture Theater (JBLT) IMU Seremban. Selain itu, Dr Nazrila Hairizan (Timbalan Pengarah Kesihatan Primer, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga) turut dijemput untuk memberi topik 'My Journey as Family Medicine Specialist'.

FMS Clinic Round

Di Negeri Sembilan "Clinic round" telah dijalankan semenjak bulan January 2018. Tujuan 'Clinic round' ini untuk melakukan audit dan juga perbincangan kes di klinik tersebut. Kesemua FMS negeri Sembilan terlibat melakukannya mengikut giliran yang ditetapkan. Semasa klinik round ini dua orang FMS akan melakukannya ke daerah lain. Contohnya FMS daerah Seremban dan Jempol akan melakukan 'clinic round' di daerah Port Dickson.




DAYCARE FOTOTHERAPY DI KLINIK KESIHATAN GEMAS

Perkhidmatan fototerapi untuk neonatal jaundice telah bermula di Klinik Kesihatan Gemas sejak bulan Ogos 2006 sebagai usaha untuk mengurangkan kejadian severe neonatal jaundice di kawasan pendalaman di daerah Tampin. Daycare fototerapi juga membantu keluarga yang tidak dapat membawa bayi ke hospital untuk rawatan selanjutnya.

Kemudahan ini menggunakan kakitangan yang sedia ada dan ditempatkan di bangunan ABC (Pusat bersalin alternatif). Perkhidmatan ini menyediakan kemudahan 'room in' untuk ibu agar dapat meneruskan penyusuan ibu kepada bayi. Perkhidmatan ini ditawarkan pada hari dan masa bekerja sahaja.

Daycare fototerapi mendapat sambutan yang baik dari masyarakat tempatan dan memudahkan keluarga pesakit. Walaubagaimanapun kemudahan ini terpaksa tamatkan pada tahun 2018 atas masalah penyelenggaraan peralatan fototerapi yang telah lama. Peralatan ini telah rosak pada tahun 2017 dan diputuskan sebagai BER (Beyond economical repair) pada tahun 2018



Projek JOM MAMA

Kajian intervensi pra kehamilan bagi mengurangkan risiko diabetes dan pre diabetes

Projek Jom Mama bermula pada tahun 2013 sebagai perkongsian antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan kerjasama beberapa institusi termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.

Projek ini dijalankan dalam 5 fasa. Intervensi di fasa 4 dan 5 melibatkan 5 buah klinik kesihatan di Negeri Sembilan. Penguatkuasaan sistem kesihatan dengan penekanan yang lebih mendalam terhadap kesihatan pra-kehamilan melalui kombinasi “Community Health Promoter” dan “electronic health system” (platform berasaskan web) untuk meningkatkan kesihatan wanita sebelum mengandung dan ini akan memberi manfaat kepada wanita dan anak mereka.

- Bermula 2013
- Dilancarkan pada April 2015
- Sasaran wanita 20-39 tahun
- 5 klinik terlibat -KKS2,KKS, KK Senawang, KK Ampangan & KK Nilai
- Program 8 bulan
- Kaunseling kesihatan peribadi oleh promotor kesihatan masyarakat (CHP)



BENGGKEL FIT-MY

Garispanduan suntikan insulin “Forum for Injection Technique Malaysia: FIT-MY” telah dilancarkan pada bulan April 2017. Sehubungan itu, roadshow untuk training of trainers (TOT) peringkat zon telah dijalankan sepanjang tahun 2018 untuk melatih doktor, paramedik dan pegawai farmasi di 12 negeri di seluruh Malaysia. Tiga orang FMSNS yang terlibat dalam menjayakan roadshow tersebut ialah Dr Mastura, Dr Iliza dan Dr Lim Jean Li. Semoga penggunaan garispanduan ini dapat diperluaskan dengan membuat echotraining di kawasan masing-masing selepas ini.



Majlis Perasmian Program Perluasan Kepakaran Perubatan Keluarga Luar Bandar Negeri Sembilan

Majlis dimulakan dengan senaman Taichi yang diketuai oleh Pengerusi Taichi Kg. Geddes B. Kemudian, majlis diteruskan dengan program 10 ribu langkah mengikut trek yang disediakan mengelilingi kawasan perumahan Kg. Geddes.

Selepas makan pagi, aturcara majlis diteruskan dengan ceramah kesihatan bertajuk “Hidup Sihat, Hidup Sejahtera”. Kemudian program pemeriksaan saringan kesihatan dan kanser dimulakan. Seramai

180 penduduk telah disaring melalui Saringan Status Kesihatan (BSSK) dan saringan Tuberkulosis.



Seramai 30 calitan Pap telah dilakukan bagi saringan kanser pangkal rahim. 55 peserta telah disaring untuk kanser kolorektal dengan menggunakan kit iFOB. 42 saringan pemeriksaan klinikal payudara juga telah dijalankan sepanjang program ini. Kesemua pesakit yang disaring dan didapati



mempunyai masalah telah dirujuk ke hospital bagi pemeriksaan lanjut. Di dalam program ini, seramai 12 orang Pakar Perubatan Keluarga dari seluruh Negeri Sembilan telah menjalankan konsultasi perubatan kepada para peserta.

Pada jam 11.30 pagi, program diteruskan dengan majlis perasmian oleh YB Dato Haji Shamsulkahar bin Haji Mohd Deli, Ahli DUN Serting merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan dan Pendidikan Negeri Sembilan. Sebuah mesin Electrocardiogram (ECG) telah dihadiahkan oleh Pakarpakar Perubatan Keluarga Negeri Sembilan kepada Klinik Bergerak Bandar Seri Jempol bagi kegunaan Program Perluasan Kepakaran Perubatan Keluarga Luar Bandar ini. Majlis diakhiri dengan hidangan makan tengah hari. Majlis bersurai pada pukul 1 petang.

Hari Mata Sedunia/ World Sight Day 2018

Hari Mata Sedunia dirayakan setiap bulan October. Tema untuk tahun 2018 adalah “Eye Care Everywhere”, di mana setiap lapisan masyarakat harus memperolehi akses kepada perkhidmatan mata yang menyeluruh. WHO juga telah menekankan bahawa pemeriksaan mata harus diintegrasikan ke dalam perkhidmatan kesihatan yang sedia ada.

Bersempena dengan itu, Klinik Kesihatan Sikamat berserta Klinik Mata, Hospital Tunku Jaafar telah mengadakan kerjasama sektor awam-swasta dengan menjemput Spectruk Sdn. Bhd untuk menjayakan perayaan Hari Mata Sedunia 2018. Program yang dijalankan pada 18 Oktober 2018 mendapat

sambutan yang sangat bagus, di mana 184 orang pesakit telah disaring menggunakan 'visual acuity' dan funduskopi untuk pengesanan awal retinopati diabetes dan hipertensi. Aktiviti-aktiviti lain termasuk ceramah kesihatan dan demonstrasi senaman ringkas untuk warga emas. Selain itu, syarikat Spectruk menawarkan perkhidmatan pemeriksaan mata percuma dan membuat cermin mata dengan harga yang rendah kepada semua pengunjung klinik.





Lawatan YBMK Meninjau Projek TPC-OCHIS

Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Hj. Dzulkefly bin Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Sikamat pada 13 November 2018 untuk melihat sistem perintis TPC-OCHIS berasaskan sistem cloud. Beliau telah diberi penerangan tentang “*Family Doctor Concept*” yang diamalkan oleh klinik ini dan membuat lawatan ke perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan. Beliau juga membuat lawatan ke klinik pergigian untuk melihat kesinambungan sistem TPC-OCHIS dalam perkhidmatan yang diberi dan sempat beramah mesra dengan pesakit-pesakit di Klinik Kesihatan Sikamat.



Selamat Bersara Kepada Dr Mariam Abdul Manap dan Dr Narayanan



Sempena persaraan Dr Mariam, buat julung-julung kalinya FMS Negeri Sembilan menganjurkan percutian bersama dan Bandung menjadi destinasi pilihan bagi tahun 2018. Dalam keseronokan berihlah mengunjungi negara jiran, lawatan selama 3 hari 2 malam (20-22 Oktober 2018) ini turut mengeratkan hubungan silaturrahim dan ke-mesraan di kalangan ahli rombongannya.



Dr Narayanan Pakar Perubatan Keluarga KK Nilai telah berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan selama 33 tahun. Beliau bersara wajib pada 3 Januari 2018. Rakan Pakar Perubatan Keluarga di Negeri Sembilan telah meraikan persaraan beliau majlis ringkas di Royal Bintang hotel pada Disember 2017.